



KEMENTERIAN DIGITAL



PEKELILING PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA DAN PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA SUSULAN PINDAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010



Hak Milik Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi



KANDUNGAN



- 1 ASAS PERUNDANGAN DAN PUNCA KUASA**
- 2 DOKUMEN BERKAITAN PERUNTUKAN BAHARU**
 - PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI BILANGAN 1 TAHUN 2025**
 - PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)**
- 3 TUJUAN DAN LATAR BELAKANG PEKELILING**
- 4 TAFSIRAN PEKELILING**
- 5 PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)**
 - PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI BILANGAN 2 TAHUN 2025**
 - PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (DBN)**
- 6 TUJUAN DAN LATAR BELAKANG PEKELILING**
- 7 TAFSIRAN PEKELILING**
- 8 KEPERLUAN PEMBERITAHUAN KEPADA PESURUHJAYA**
- 9 KEPERLUAN PEMBERITAHUAN KEPADA SUBJEK DATA**



PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (ASAS PERUNDANGAN & PUNCA KUASA)



AKTA A1727 - AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PINDAAN) 2024

Penggal 1A

Akauntabiliti data peribadi

Pelantikan pegawai perlindungan data

12A. (1) Seseorang pengawal data hendaklah melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data yang hendaklah bertanggung kepada pengawal data bagi pematuhan Akta ini.

(2) Jika pemprosesan data peribadi dijalankan oleh seorang pemproses data bagi pihak pengawal data, pemproses data hendaklah melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data yang hendaklah bertanggung kepada pemproses data bagi pematuhan Akta ini.

(3) Pengawal data itu hendaklah memberitahu Pesuruhjaya tentang pelantikan pegawai perlindungan data mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(4) Pelantikan pegawai perlindungan data di bawah subseksyen (1) dan (2) tidak melepaskan pengawal data atau pemproses data daripada semua kewajipan dan fungsi di bawah Akta ini.

Perlindungan Data Peribadi (Pindaan)

5

Pemberitahuan pelanggaran data

12B. (1) Jika seseorang pengawal data mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pelanggaran data peribadi telah berlaku, pengawal data itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, memberitahu Pesuruhjaya mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(2) Jika pelanggaran data peribadi di bawah subseksyen (1) mengakibatkan atau berkemungkinan mengakibatkan apa-apa kemudaratan yang ketara kepada subjek data, pengawal data hendaklah memberitahu pelanggaran data peribadi itu kepada subjek data mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya tanpa kelengahan yang tidak perlu.

(3) Seseorang pengawal data yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”



PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (ASAS PERUNDANGAN & PUNCA KUASA)



AKTA 709 - AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Seksyen 48. Fungsi Pesuruhjaya

Pesuruhjaya hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) menasihati Menteri mengenai dasar kebangsaan bagi perlindungan data peribadi dan segala perkara lain yang berkaitan;

(b) melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perlindungan data peribadi, termasuklah perumusan dasar dan tatacara operasi;

(c) memajukan dan menggalakkan persatuan atau badan yang mewakili pengguna data untuk menyediakan tataamalan dan menyebarkan tataamalan itu kepada anggotanya bagi maksud Akta ini;

(d) bekerjasama dengan pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsinya;

(f) menjalankan atau menyebabkan dijalankan penyelidikan terhadap dan mengawasi pembangunan dalam pemrosesan data peribadi, termasuk teknologi, untuk mengambil kira kemungkinan apa-apa kesan pembangunan itu terhadap privasi individu berhubung dengan data peribadinya;

(g) memantau dan menyelia pematuhan peruntukan Akta ini, termasuk pengeluaran pekeliling, notis penguatkuasaan atau apa-apa surat cara lain kepada mana-mana orang;

(h) menggalakkan kesedaran dan penyebaran maklumat kepada orang awam mengenai kuat kuasa Akta ini;

(i) berhubung dan bekerjasama dengan orang yang melaksanakan fungsi perlindungan data peribadi yang seumpama di mana-mana tempat di luar Malaysia berkenaan dengan perkara yang berkepentingan bersama, termasuk perkara yang melibatkan privasi individu berhubung dengan data peribadinya;

(j) mewakili Malaysia melalui penyertaan dalam acara yang berhubungan dengan perlindungan data peribadi sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan

(k) menjalankan apa-apa aktiviti dan melakukan apa-apa perkara yang perlu, memberi kebaikan dan patut bagi pentadbiran Akta ini, atau apa-apa maksud lain yang selaras dengan Akta ini sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.



DOKUMEN BERKAITAN PERUNTUKAN BAHARU



AKTA A1727 - AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PINDAAN) 2024

PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)

1. Pekeliling Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Bilangan 1 Tahun 2025 (Pelantikan Pegawai Perlindungan Data)
2. Garis Panduan Pelantikan Pegawai Perlindungan Data

PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (DBN)

1. Pekeliling Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Bilangan 2 Tahun 2025 (Pemberitahuan Pelanggaran Data)
2. Garis Panduan Pemberitahuan Pelanggaran Data



KEMENTERIAN DIGITAL



PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI **BILANGAN 1 TAHUN 2025**

PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)





TUJUAN

Menjelaskan pelantikan Pegawai Perlindungan Data, tugas dan tanggungjawab bagi memastikan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].



LATAR BELAKANG

- i. Seksyen 12A Akta 709 mewajibkan pengawal data dan pemproses data melantik Pegawai Perlindungan Data.
- ii. Pelantikan ini bertujuan memperkukuh pengurusan data peribadi, akauntabiliti dan kepercayaan awam.
- iii. Keperluan pelantikan adalah mandatori berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam pekeliling.



PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (TAFSIRAN PEKELILING)



1 INSIDEN KESELAMATAN

suatu peristiwa atau kejadian yang menjejaskan atau cenderung untuk menjejaskan perlindungan data atau boleh menjejaskan ketersediaan, kerahsiaan atau integriti data peribadi

2 MAKLUMAT HUBUNGAN PERNIAGAAN

nama individu, nama jawatan atau gelaran, nombor telefon perniagaan, alamat perniagaan, alamat e-mel perniagaan atau nombor faks perniagaan dan sebarang maklumat lain yang seumpama tentang individu tersebut, tidak diberikan oleh individu itu semata-mata untuk tujuan peribadinya

3 NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

notis bertulis yang dikehendaki diberikan oleh pengawal data kepada subjek data bagi mematuhi seksyen 7 Akta 709

4 PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA

individu yang dilantik oleh pengawal data atau pemproses data di bawah seksyen 12A Akta 709



PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (TAFSIRAN PEKELILING)



- 5 PELANGGARAN DATA PERIBADI**

seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 4 Akta 709 dan tidak terhad kepada pengubahan, penyalinan, pengubahsuaian atau pemusnahan
[Sek 4: kehilangan, salah guna, akses tanpa kebenaran]
- 6 PENILAIAN IMPAK PERLINDUNGAN DATA**

penilaian terhadap impak operasi pemprosesan yang dirancang terhadap perlindungan data peribadi, yang mungkin melibatkan pengenalpastian, penilaian dan pengendalian risiko perlindungan data peribadi berdasarkan fungsi, keperluan dan proses organisasi
- 7 PEMANTAUAN BERKALA DAN SISTEMATIK**

pemprosesan yang dijalankan oleh pengawal data atau pemproses data berlaku secara berterusan atau dijalankan secara berulang atau berulang pada masa yang ditetapkan.
Contoh: pengesanan dan pemprofilan



PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)



1

Siapakah yang perlu melantik DPO?

Pengawal Data dan **Pemproses Data** yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan hendaklah melantik seorang atau lebih dengan mengambil kira fungsi organisasi, struktur dan saiz.

2

Apakah syarat-syarat pelantikan DPO?

Pengawal Data dan Pemproses Data hendaklah melantik DPO jika pemprosesan melibatkan:

- 1) data peribadi melebihi **20,000 bilangan Subjek Data**;
- 2) data peribadi **sensitif** termasuk maklumat kewangan **melebihi 10,000 bilangan Subjek Data**; **ATAU**
- 3) aktiviti yang memerlukan **pemantauan berkala dan sistematik**.

3

Siapakah yang boleh dilantik sebagai DPO?

- 1) **Individu yang sama** boleh dilantik sebagai DPO oleh lebih dari seseorang Pengawal Data dan Pemproses Data, sama ada secara **separa masa** atau **sepenuh masa**.
- 2) DPO yang dilantik boleh di **kalangan pekerja sedia ada** atau menggunakan **perkhidmatan penyumberluaran**

4

Apakah syarat-syarat menjadi seorang DPO?

DPO hendaklah **bermastautin di Malaysia** atau **mudah dihubungi** serta **mahir dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris**.



PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)



5

Apakah kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk melantik DPO?

Pengawal data dan Pemproses data hendaklah **menentukan tahap kelayakan** yang bersesuaian, **pengalaman, kemahiran** dan **kepakaran** yang diperlukan untuk membolehkan DPO yang dilantik melaksanakan tugas mengikut operasi pemprosesan data peribadi yang dijalankan, kerumitan dan skala data yang diproses, sensitiviti data yang diproses dan perlindungan yang diperlukan untuk data yang diproses.

Kemahiran atau kepakaran yang diperlukan termasuk:

- 1) **berpengetahuan mengenai Akta 709**, undang-undang dan amalan perlindungan data negara;
- 2) pemahaman mengenai **operasi perniagaan** dan **pemprosesan data peribadi yang dijalankan** oleh Pengawal Data atau Pemproses Data;
- 3) pemahaman mengenai **teknologi maklumat dan keselamatan data**;
- 4) **kualiti peribadi** seperti integriti, pemahaman tentang tadbir urus korporat dan etika profesional yang tinggi; dan
- 5) keupayaan untuk menggalakkan **budaya perlindungan data** dalam organisasi.

6

Apakah tugas DPO?

Tugas DPO adalah seperti berikut:

- 1) **menasihati** Pengawal Data atau Pemproses Data dalam menjalankan pemprosesan data peribadi mengikut peruntukan Akta;
- 2) memberikan **khidmat sokongan** dalam mengaplikasikan peraturan perlindungan data;
- 3) **memantau pematuhan** peruntukan Akta dengan dasar berkaitan dengan perlindungan data peribadi yang dibangunkan oleh Pengawal Data dan Pemproses Data;
- 4) memberikan sokongan dan nasihat mengenai pelaksanaan **Penilaian Impak Perlindungan Data**;
- 5) berfungsi sebagai **Pegawai Perhubungan utama** kepada Pesuruhjaya dalam hal pematuhan kepada Akta dan Subjek Data berkenaan semua isu berkaitan pemprosesan data peribadi dan hak-hak Subjek Data; dan
- 6) memastikan Pengawal Data atau Pemproses Data **menguruskan pelanggaran data dan insiden keselamatan** dengan betul.



PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)



7

Apakah tanggungjawab Pengawal Data dan Pemproses Data terhadap DPO yang dilantik?

- 1) Memastikan DPO **dilibatkan** dalam semua isu yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi mengikut cara dan dalam jangka waktu yang tepat.
- 2) Memberikan **autonomi yang mencukupi**, menyediakan **sumber** sebagaimana yang perlu dan memudahkan akses kepada data peribadi dan operasi pemprosesan untuk menjalankan tugas dengan berkesan.
- 3) Menyediakan **latihan** kepada DPO.
- 4) Mewujudkan satu **e-mel perniagaan rasmi** khusus untuk DPO.
- 5) **Melantik, melantik semula atau mengambil pengganti baharu** dalam tempoh yang munasabah sekiranya individu yang dilantik sebagai DPO memberhentikan perkhidmatannya/tamat tempoh perkhidmatan.
- 6) Melantik **seorang DPO interim** dengan seberapa segera untuk memantau komunikasi yang dihantar melalui e-mel rasmi DPO sekiranya DPO memberhentikan perkhidmatannya/tamat tempoh perkhidmatan.

8

Apakah obligasi seorang DPO?

- 1) DPO hendaklah **terikat dengan kerahsiaan** berkenaan dengan pelaksanaan tugas mereka.
- 2) DPO hendaklah menjalankan tugas secara **profesional, tidak terikat dengan arahan dan melaporkan secara langsung kepada peringkat pengurusan kanan** (atau setara) pengawal data atau pemproses data.
- 3) DPO **tidak boleh diberhentikan** kerana **melaksanakan tugas sebagai DPO**.
- 4) DPO boleh melaksanakan tugas rasmi yang lain dengan syarat ia tidak mengakibatkan **percanggahan kepentingan** kepada DPO.

9

Adakah Pengawal Data perlu memberitahu pelantikan DPO kepada Pesuruhjaya?

Ya. Pengawal Data hendaklah **memberitahu maklumat pelantikan DPO** mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dalam **tempoh dua puluh satu (21) hari** dari tarikh pelantikan DPO. Pengawal Data perlu **mengemaskini** maklumat pendaftaran DPO sedia ada dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh pelantikan DPO yang baharu.



PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)



10

Adakah Pengawal Data atau Pemproses Data perlu menerbitkan maklumat DPO?

Ya. Pengawal Data atau Pemproses Data perlu menerbitkan maklumat DPO di semua atau mana-mana yang berikut:

- 1) laman sesawang rasmi atau media rasmi yang lain;
- 2) notis perlindungan data peribadi; dan
- 3) dasar keselamatan dan garis panduan.

11

Apakah terdapat latihan dan profesionalisme untuk DPO?

Pesuruhjaya boleh menentukan mekanisme yang perlu atau suai manfaat kepada DPO seperti berikut:

- 1) menetapkan **kursus dan program latihan** untuk DPO;
- 2) membangunkan dan menyediakan **program** yang berkaitan untuk DPO; dan
- 3) menetapkan **mekanisme penanda aras kemahiran** DPO untuk pembangunan kapasiti profesional.

Bagi maksud di atas, **Pesuruhjaya** boleh pada **bila-bila masa melantik atau membatalkan pelantikan** mana-mana badan sebagai **penyedia perkhidmatan** bagi kursus atau program latihan untuk Pegawai Perlindungan Data.

12

Bilakah tarikh kuat kuasa pelantikan DPO?

Tarikh kuat kuasa pelantikan DPO adalah pada **1 Jun 2025**.



KEMENTERIAN DIGITAL



PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI **BILANGAN 2 TAHUN 2025**

PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (DBN)





PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (TUJUAN DAN LATAR BELAKANG PEKELILING)



LATAR BELAKANG

- i. Seksyen 12B Akta 709 memerintukkan keperluan kepada Pengawal Data untuk memberitahu Pesuruhjaya dan Subjek Data sekiranya berlaku pelanggaran data.
- ii. Obligasi pemberitahuan kepada Pesuruhjaya mengenai pelanggaran data ini bertujuan untuk memastikan Pengawal Data mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengurangkan risiko terhadap Subjek Data yang terjejas dan memenuhi kewajipan Pengawal Data di bawah Akta 709 dalam melindungi data peribadi Subjek Data.
- iii. Obligasi pemberitahuan oleh Pengawal Data kepada Pesuruhjaya atau Subjek Data yang terjejas mengenai pelanggaran data adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya seperti yang digariskan di dalam pekeliling ini.



TUJUAN

Menjelaskan tatacara pemberitahuan pelanggaran data oleh pengawal data kepada Pesuruhjaya dan subjek data serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya





PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (TAFSIRAN PEKELILING)



- 1 PELANGGARAN DATA PERIBADI** seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 4 Akta 709 dan tidak terhad kepada pengubahan, penyalinan, pengubahsuaian atau pemusnahan
- 2 NOMBOR PENGENALAN** nombor kad pengenalan, nombor pasport atau mana-mana nombor dokumen pengenalan diri lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan sebagai bukti kewarganegaraan atau tempat tinggal individu
- 3 SUBJEK DATA YANG TERJEJAS** mana-mana subjek data yang data peribadinya terjejas disebabkan oleh pelanggaran data peribadi
- 4 PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA** individu yang dilantik oleh pengawal data atau pemproses data di bawah seksyen 12A Akta 709

KEMUDARATAN YANG KETARA

Pelanggaran data peribadi dianggap mengakibatkan atau berkemungkinan mengakibatkan "**kemudaratatan yang ketara**" jika terdapat risiko-risiko berikut:

- boleh mengakibatkan **kecederaan fizikal, kerugian kewangan, kesan negatif ke atas rekod kredit, kerosakan atau kehilangan harta benda;**
- boleh disalah guna untuk tujuan yang **menyalahi undang-undang;**
- mengandungi **data peribadi sensitif;**
- mengandungi data peribadi dan maklumat peribadi yang apabila digabungkan berpotensi untuk **membolehkan penipuan identiti; atau**
- berskala signifikan.

BERSKALA SIGNIFIKAN

Subjek data yang terjejas **melebihi 1,000 individu**



PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (KEPERLUAN PEMBERITAHUAN KEPADA PESURUHJAYA)



1

Adakah mandatori untuk memberitahu mengenai pelanggaran data peribadi kepada Pesuruhjaya?

Ya. Pengawal Data hendaklah memberitahu pelanggaran data kepada **Pesuruhjaya** apabila pelanggaran data peribadi itu mengakibatkan atau berkemungkinan mengakibatkan **kemudaratan yang ketara**

2

Bila perlu memberitahu?

Pemberitahuan hendaklah dibuat dengan **secepat yang dapat dilaksanakan, tidak lewat daripada tujuh puluh dua (72) jam.**

3

Bagaimana untuk memberitahu?

Pemberitahuan boleh dibuat dengan:

- melengkapkan Borang DBN melalui **portal** yang dibangunkan oleh Pesuruhjaya;
- melengkapkan dan mengemukakan Borang DBN melalui **e-mel** kepada dbnpdp@pdp.gov.my; **ATAU**
- melengkapkan dan menghantar Borang DBN **secara fizikal** kepada Pesuruhjaya.

4

Apa yang perlu diberitahu?

- butiran **pelanggaran data peribadi** yang telah berlaku;
- **kronologi** insiden yang menyebabkan kehilangan kawalan ke atas data peribadi;
- kemungkinan **akibat yang berlaku**;
- **langkah** yang diambil atau dicadang untuk diambil bagi **menangani pelanggaran data peribadi**;
- **langkah** yang diambil atau dicadang untuk diambil untuk menangani **Subjek Data yang terjejas**; **DAN**
- butiran **DPO** atau **pegawai yang boleh dihubungi**.



PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (KEPERLUAN PEMBERITAHUAN KEPADA PESURUHJAYA)



5

Bagaimanakah sekiranya Pengawal Data tidak dapat memberitahu Pesuruhjaya mengenai pelanggaran data peribadi dalam tempoh yang ditetapkan?

➤ Sekiranya Pengawal Data tidak dapat memberitahu pelanggaran data peribadi kepada Pesuruhjaya dalam tempoh tujuh puluh dua (72) jam, Pengawal Data hendaklah **menyatakan sebab-sebab bagi kelewatan** dan **disertai dengan bukti sokongan**.

➤ Dalam hal yang tidak membolehkan Pengawal Data untuk memberikan maklumat berhubung pelanggaran data peribadi pada masa yang sama, Pengawal Data hendaklah memberikan maklumat yang dikehendaki **secara berperingkat** secepat yang dapat dilaksanakan **tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari** dari tarikh pemberitahuan dibuat kepada Pesuruhjaya.

6

Adakah Pengawal Data perlu menyimpan maklumat mengenai pelanggaran data?

Ya. Pengawal Data hendaklah menyenggarakan suatu rekod berhubung pemberitahuan pelanggaran data dalam **bentuk fizikal dan elektronik**. Rekod tersebut hendaklah disimpan selama sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** dari tarikh pelanggaran data peribadi berlaku.

7

Bagaimanakah untuk memastikan pemberitahuan pelanggaran data oleh Pemproses Data kepada Pengawal Data?

Pengawal Data hendaklah menetapkan kewajipan kepada Pemproses Data untuk memberitahu mengenai pelanggaran data peribadi dan menyediakan semua bantuan yang munasabah **melalui kontrak atau cara lain yang munasabah**.



PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (KEPERLUAN PEMBERITAHUAN KEPADA PESURUHJAYA)



8

Adakah penalti/denda dikenakan atas ketidakpatuhan untuk memberitahu Pesuruhjaya mengenai pelanggaran data peribadi?

Ya. Pengawal Data boleh didenda **tidak melebihi RM250,000** atau dipenjara selama tempoh **tidak melebihi dua (2) tahun** atau kedua-duanya.

9

Bilakah kewajipan memberitahu pelanggaran data berkuatkuasa?

Berkuatkuasa mulai **1 Jun 2025**.



PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (KEPERLUAN PEMBERITAHUAN KEPADA SUBJEK DATA)



1

Adakah mandatori untuk memberitahu mengenai pelanggaran data peribadi kepada Subjek Data yang terjejas?

Ya. Pengawal Data hendaklah memberitahu pelanggaran data kepada **Subjek Data yang terjejas** apabila pelanggaran data peribadi itu mengakibatkan atau berkemungkinan mengakibatkan **kemudaratan yang ketara kepada Subjek Data yang terjejas tanpa mengira skala signifikan pelanggaran data tersebut.**

2

Bila perlu memberitahu kepada Subjek Data yang terjejas?

Pemberitahuan hendaklah dibuat tanpa kelengahan yang tidak perlu **tidak lewat** daripada **tujuh (7) hari selepas pemberitahuan kepada Pesuruhjaya**

3

Bagaimana untuk memberitahu kepada Subjek Data yang terjejas? ntuk memberitahu?

Pengawal Data hendaklah memberitahu setiap Subjek Data yang terjejas:

- dalam mana-mana **cara yang praktikal** dengan menggunakan bahasa yang difahami;
- kaedah **pemberitahuan alternatif** seperti **komunikasi awam** sekiranya tidak praktikal atau memerlukan usaha yang tidak setimpal

4

Apa yang perlu diberitahu kepada Subjek Data yang terjejas?


- Maklumat mengenai **pelanggaran data peribadi** yang telah berlaku;
- **kemungkinan yang berlaku** akibat pelanggaran data peribadi;
- **langkah** yang diambil atau dicadang untuk diambil oleh Pengawal Data bagi **menangani pelanggaran data peribadi**;
- **langkah** yang boleh diambil oleh **Subjek Data yang terjejas; DAN**
- butiran **DPO** atau **pegawai yang boleh dihubungi.**



PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA (KEPERLUAN PEMBERITAHUAN KEPADA SUBJEK DATA)



LAMPIRAN A: CARTA ALIR GAMBARAN KESELURUHAN KEPERLUAN PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA DI BAWAH AKTA 709





KEMENTERIAN DIGITAL



TERIMA KASIH

